

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE [DAMANSARA]

TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dasar terkini Kerajaan terhadap bayaran balik pinjaman PTPTN, termasuk had pengecualian pembayaran balik pinjaman dan status terkini kutipan PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, Kerajaan masih meneruskan dasar bayaran balik pinjaman sedia ada dan tidak membuat sebarang pindaan. Walau bagaimanapun, PTPTN sentiasa proaktif di dalam melaksanakan dasar serta polisi bagi membantu meringankan bebanan bayaran balik peminjam. Antara inisiatif terbaharu yang sedang dilaksanakan adalah:

- a. Pelaksanaan penangguhan bayaran balik pinjaman selama enam (6) bulan mulai April 2020 hingga September 2020 akibat penularan wabak COVID-19 yang melibatkan hampir **1.5 juta peminjam** dengan jumlah kutipan tertangguh sebanyak **RM750 juta**; dan
- b. Penganjuran '*Virtual Mini Job Hunt for PTPTN Borrowers*' secara dalam talian dengan kerjasama PERKESO bagi membantu peminjam mendapatkan peluang pekerjaan, seterusnya berupaya membuat bayaran balik pinjaman mereka.

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 29 Julai yang lalu mengenai pelanjutan tempoh moratorium pembayaran balik pinjaman industri bank selama tiga (3) bulan lagi kepada peminjam yang benar-benar memerlukan, kerajaan juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh moratorium kepada peminjam PTPTN sehingga Disember 2020. Penangguhan ini akan melibatkan anggaran jumlah bayaran balik sebanyak RM375 juta. Ini bermakna jumlah keseluruhan anggaran penangguhan bayaran balik adalah sebanyak RM1.125 bilion.

Sehingga 30 Jun 2020, seramai 1,777,164 peminjam telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM15.84 bilion.

Sekian, terima kasih.